

Sinar Harian 25/5/2019 MJS 22

# Ikan patin buah 25kg ditangkap

**MARANG** - Penduduk Kampung Pengkalan Berangan di sini gempar apabila seekor ikan patin buah seberat kira-kira 25 kilogram (kg) berjaya ditangkap di Sungai Pengkalan Berangan, di sini.

Ikan itu ditangkap seorang penduduk kampung dikenali sebagai Riduan kira-kira jam 11 malam, kelmarin sebelum dijual kepada seorang peniaga, Roslysham Effendy, 32, pada harga RM200.

Roslysham berkata, Sungai Pengkalan Berangan sememangnya menjadi tumpuan penduduk di kampung itu untuk menangkap pelbagai jenis ikan air tawar termasuk ketika Ramadan.

Bagaimanapun, katanya, sebelum ini ikan ditangkap hanya bersaiz sederhana dan ini kali pertama kemunculan ikan patin buah iaitu spesies jarang dapat ditangkap bersaiz melebihi 20kg.

"Memang di sekitar sini penduduk akan menangkap ikan untuk dijual atau dimakan sendiri menggunakan pelbagai kaedah penangkapan.

"Jadi malam tadi, saya bergegas ke sungai apabila dimaklum-



Roslysham menunjukkan ikan patin buah yang dibeli pada harga RM200

kan ada penduduk kampung yang berjaya menangkap patin buah bersaiz agak besar.

"Kalau ikut harga pasaran, ikan ini dijual pada harga RM35 sekilo tetapi saya beli dengan harga borong iaitu RM200 seekor," katanya di sini semalam.

Roslysham berkata, dia kemudiannya menyangi ikan berkenaan untuk dijual dengan harga RM15 sekilogram.

Katanya, sehingga kini ikan itu sudah dijual kepada penduduk setempat dan sebanyak empat kilogram diagihkan juga kepada penduduk kampung.